

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HKT 202 - Kritikan Sastera

Tarikh: 18 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan sahaja.

1. Huraikan ciri-ciri perwatakan dan tema dalam cereka yang sesuai dipadankan dengan pendekatan Kritikan Tipainduk atau Kritikan Mitos.
2. Penekanan pendekatan Psikologi dalam Kritikan Sastera lebih tertumpu kepada penganalisaan dan pentafsiran proses pemikiran watak-watak dalam cereka; khususnya proses pemikiran bawah-sedarnya. Bincangkan.
3. Pramoedya Ananta Toer, seorang pengarang dan pengkritik Sastera Indonesia yang terkenal pernah berkata: "Sesuai dengan logika dan sesuai pula dengan realiti hidup, estetika mengambil tempat yang terakhir dalam pendekatan sosial bila mengkritik karya sastera. Perut yang lapar lebih utama memerlukan nasi daripada keindahan." Bincangkan pandangan ini berdasarkan teori-teori Pendekatan Sosiologi dalam Kritikan Sastera.
4. Dr. Shauqi Dhaif dalam bukunya Fi-Naqdi Al-Adabi ada memperjelaskan bahawa Sastera Islam itu berlandaskan kebenaran, keindahan, kebaikan dan kemuliaan. Bincangkan pendapat ini dalam hubungannya dengan pendekatan Kritikan Sastera mengikut perspektif Islam.
5. Gaya bahasa adalah kaedah seseorang pengarang "bermain" dengan bahasa atau cara pengarang mengeksploitkan bahasa untuk memperjelaskan maksud dan juga untuk memperolehi kesan estetika melalui gambaran-gambaran, perwatakan, plot, latar dan sebagainya. Huraikan ciri-ciri gaya bahasa bagaimanakah yang dikatakan berupaya memperjelaskan maksud dan memperolehi kesan estetika itu.

6. Secara tradisinya kesusasteraan Islam seharusnya dengan penuh keindahan berupaya membangkitkan beberapa kesan seperti kesan epik, kesan didaktik dan kesan mistik. Sebaliknya kesusasteraan Islam seharusnya tidak boleh membangkitkan kesan rasa kemabukan arak, harta, wanita, kuasa dan kekaguman diri sendiri di samping kesan rasa keseronokan serta sedih-pilu duka-lara yang meluap-luap tanpa kawalan sehingga melupakan Allah. Bincangkan.

7. Bincangkan fungsi Kritikan Kesusasteraan dalam hubungannya dengan Teori Kesusasteraan dan Sejarah Kesusasteraan dalam konteks Kajian Kesusasteraan.

-ooo000ooo-